

04 FEB 2003

Adnan-Cameron

ADNAN CADANG AKTA PEMULIHARAAN TANAH 1960 DIPINDA

KUANTAN, 4 Feb (Bernama) -- Menteri Besar Pahang Datuk Seri Adnan Yaakob hari ini berkata Akta Pemuliharaan Tanah 1960 perlu dipinda bagi membolehkan tindakan lebih tegas dikenakan terhadap pemaju yang mengabaikan alam sekitar.

Beliau berkata pada masa ini, peruntukan akta itu hanya mengenakan denda RM500 kepada mereka yang mengabaikan alam sekitar dan kebanyakan pemaju dan syarikat besar yang melaksanakan projek pembangunan mampu membayar denda itu.

"Saya mencadangkan Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar mencadangkan pindaan ke atas Akta Pemuliharaan Tanah 1960 pada persidangan Dewan Rakyat akan datang supaya tindakan lebih tegas dikenakan ke atas mereka," katanya kepada pemberita di kediamannya di sini, hari ini.

Beliau mengulas kenyataan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini yang sedih dengan pembangunan di Cameron Highlands kerana mengabaikan alam sekitar sehingga menjejaskan keindahan kawasan itu.

Perdana Menteri semasa berucap melancarkan perayaan ulang tahun kedua Putrajaya sebagai Wilayah Persekutuan berkata beliau kecewa kerana sebahagian tempat di Cameron Highlands sudah diratakan sehingga tidak lagi kelihatan sebagai kawasan bukit bukau sebaliknya menjadi kawasan tanah pamah.

Jumaat lepas, sebuah akhbar melaporkan bahawa sekumpulan syarikat menggunakan peralatan berat berantai untuk meratakan kawasan yang dahulunya adalah sebahagian daripada ladang teh Blue Valley di Cameron Highlands.

Ini dilakukan walaupun Majlis Daerah Cameron Highlands telah mengeluarkan dua perintah menghalang kerja itu. Ekoran itu, Jabatan Tanah dan Galian Negeri telah membuat laporan polis.

Adnan berkata syarikat terbabit, Deng Seng Sdn Bhd telah diarahkan memberhentikan kerja-kerja meratakan tanah untuk tujuan penanaman tomato pada 30 FEB lepas selepas tiga hari (27 FEB) permit pembaharuan kerja-kerja itu dikeluarkan.

"Setakat ini, keputusan pentadbir tanah daerah ialah menghentikan kerja mereka dan ini disokong kerajaan negeri. Jika mereka masih meneruskannya dan melanggar undang-undang, selagi itulah mereka akan tidak dibenarkan teruskan operasi mereka," katanya.

Adnan berkata syarikat terbabit pernah dikenakan denda RM2,000 dan diarahkan memberhentikan kerja sebelum ini kerana melanggar beberapa syarat yang dikenakan tetapi mereka dibenarkan beroperasi selepas mematuhi syarat itu.

"Permit pertama dikeluarkan pada 21 Okt 2002 hingga 21 FEB 2003, kemudian permit itu diperbaharui semula pada 27 FEB lepas hingga 28 Feb 2003.

Beliau berkata tanah seluas 24 hektar itu adalah milik persendirian syarikat terbabit yang dibeli dari Boh Plantation di lot 30, Blue Valley dan pihak syarikat itu akan membangunkan tanaman tomato seluas 10 hektar.

Adnan berkata permit yang dikeluarkan kepada syarikat terbabit turut mengenakan syarat termasuk permit tidak boleh dipindah milik, boleh dibatal pada bila-bila masa, masa kerja hanya dibenarkan antara 8 pagi hingga 6 petang manakala pada Ahad dan cuti umum tidak dibenarkan melakukan kerja-kerja serta tidak dibenarkan menggunakan jentera berat berantai.

"Saya merasa amat malu berlakunya peristiwa ini di Cameron Highlands," katanya.

Adnan berkata di Cameron Highlands, kegiatan menanam sayur adalah perkara biasa kerana penanam sayur hanya mengguna jentera kecil tetapi syarikat besar yang menggunakan jentera berat dalam kerja-kerja mereka yang menjejaskan keadaan di situ.

-- BERNAMA

MS NAK